

MENGURUS KEWANGAN PERIBADI

Zaiton Osman

Banking & Finance, School of Business & Economics

Merancang kewangan peribadi merupakan satu perkara yang sering diabaikan oleh ramai orang sedangkan ianya amat penting dalam merencanakan pengurusan kewangan seseorang. Apakah antara sebab-sebab kita sering mendengar permasalahan disebabkan kekurangan wang di hujung bulan?

Di antara kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan adalah seperti berikut:

● Tiada perancangan perbelanjaan

Persoalan "ke mana perginya wang saya?" sering timbul disebabkan aktiviti perbelanjaan harian yang tidak mengikut perancangan yang betul, di samping kegagalan kita untuk membezakan antara keperluan dan kehendak.

● Tiada simpanan tunai

Setiap dari kita atau keluarga perlu mempunyai simpanan tunai sekurang-kurangnya 10%-30% daripada pendapatan tahunan supaya kita tidak menghadapi masalah bila kita terpaksa berbelanja lebih.

● Terlalu banyak menggunakan kredit

Ini berlaku kerana berbelanja mengikut nafsu semata-mata.

● Penggunaan wang bonus secara tidak betul

Wang bonus digunakan untuk hiburan yang merugikan.

Oleh yang demikian, merancang perbelanjaan adalah langkah pengurusan kewangan yang bijak tidak kira sama ada gaji anda besar ataupun kecil. Anda boleh mengelak daripada melakukan kesilapan seperti di atas dengan mengawasi tabiat berbelanja anda. Anda boleh menguruskan wang anda dengan bijak melalui 4 langkah berikut:

LANGKAH 1 : MENENTUKAN MATLAMAT KEWANGAN ANDA

Matlamat kewangan anda seharusnya menggambarkan perkara yang anda ingin kecapai dengan wang anda dalam jangka masa tertentu. Penetapan matlamat ini akan membantu anda memahami nilai sebenar wang dan menggalakkan anda untuk berbelanja dengan lebih bijak. Tetapkan jangka masa untuk merancang dan melaksanakan setiap matlamat anda, sama ada matlamat itu berjangka masa pendek, sederhana atau panjang.

Adakah anda merancang untuk...

LANGKAH 2 : MENJEJAKI KE MANA WANG ANDA PERGI.

- Membeli Rumah
- Membeli Kereta
- Memulakan keluarga
- Menabung pendidikan anak-anak

● Melancong dsbnya

Selepas anda menentukan matlamat anda, mulakan dengan membuat perancangan untuk berbelanja dengan lebih baik agar matlamat anda mudah dicapai. Ingat bahawa matlamat anda buat masa yang terdekat ini bukanlah untuk mengurangkan perbelanjaan tetapi mengenal pasti tabiat berbelanja anda. Melalui pemerhatian ini, anda dapat mengetahui:

- Ke mana dan bagaimana anda membelanjakan wang anda?
- Berapa banyak hutang anda setiap bulan?
- Berapa baki wang anda yang masih tinggal di penghujung bulan?

LANGKAH 3 : MENILAI TABIAT BERBELANJA ANDA

Jika wang anda tidak berbaki pada penghujung setiap bulan, sudah tiba masanya anda menilai tabiat berbelanja anda. Teliti semula semua perbelanjaan anda dan tentukan sama ada apa yang telah anda beli ialah barangan yang anda benar-benar perlukan atau hanyalah memenuhi kemahuan anda. Perhatikan sama ada:

- Anda menggunakan simpanan untuk membayar bil semasa. Harus diingat simpanan boleh digunakan pada masa kecemasan sahaja.
- Anda memohon pinjaman baru untuk melangsaikan hutang pinjaman lama (gali lubang, tutup lubang)
- Hutang anda lebih besar daripada pendapatan.
- Anda membeli sesuatu tanpa memikirkan sama ada anda mampu atau tidak. (impulsive buying)

LANGKAH 4 : MENULIS RANCANGAN PERBELANJAAN ANDA

Pelan perbelanjaan membantu anda merancang kewangan. Anda boleh mengesan ke mana duit anda dibelanjakan seterusnya mengelakkan perbelanjaan membazir dan mula merancang simpanan anda. Mulakan pelan perbelanjaan anda dengan panduan mudah berikut:

- Tentukan jumlah pendapat bulanan anda
- Tambah jumlah perbelanjaan termasuklah bil bulanan, bayaran balik pinjaman, sewa, perbelanjaan seharian dan lain-lain
- Ketepikan sejumlah wang untuk kecemasan dan perbelanjaan bermusim (seperti yuran sekolah, musim perayaan, cukai jalan, pembaharuan insurans dan lain-lain)

Sekiranya anda tidak mempunyai lebihan wang tunai untuk disimpan, anda mungkin perlu menyemak semula tabiat berbelanja anda dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak diperlukan.

Semoga dengan langkah-langkah yang telah disarankan mampu membantu anda merancang kewangan peribadi dengan lebih cermat. Sekian.